

San Choon dijangka terus jadi MP Seremban

KUALA LUMPUR, Rabu — Bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon dijangka terus menduduki kerusi Parlimen Seremban sekembalinya dari mengikuti kursus pentadbiran dua bulan di Hawaii September depan.

Bekas Menteri Pengangkutan itu berlepas ke sana pada 16 Jun lalu.

Menurut sumber-sumber hari ini, salah seorang pembantu Datuk Lee telah pun menghubungi seorang pegawai kanan Dewan Rakyat minggu lalu sambil menyatakan hasrat bekas presiden MCA itu untuk memohon kebenaran bercuti dari Speaker Dewan Rakyat.

"Tetapi tidak diketahui berapa lama jangka masa cuti yang dipohon itu tetapi ini menunjukkan Datuk Lee tidak mungkin akan mengosongkan kerusi Parlimen Seremban sekembalinya dari Hawaii nanti.

"Apa yang akan berlaku selepas ini amat sukar hendak dipastikan," tambah sumber-sumber itu.

Tewaskan Chen

Datuk Lee memenangi kerusi Parlimen Seremban selepas menewaskan pemimpin DAP, Dr Chen Man Hin dalam pilihanraya umum lalu.

Sebuah akhbar tempatan hari ini melaporkan bahawa bekas Presiden MCA itu berhasrat mengosongkan kerusi Parlimen yang diwakilinya sekembalinya dari Hawaii nanti untuk bergiat dalam bidang perniagaan.

Laporan itu juga menyebut bahawa Datuk Lee telah menulis surat perletakan jawatan sebagai Ahli Parlimen kira-kira seminggu selepas beliau mengambil keputusan mengundurkan diri dari Kabinet.

Surat itu, menurut laporan berkenaan kini berada di tangan Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan.

Bahan asal dari Arkib